



Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
جامعة السلطان عبد الحليم معظّم شأه الإسلامية العالمية
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University

BULETIN KHAS

UNIT PENGURUSAN

PENYELIDIKAN (RMU)

Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

VOL 2/DISEMBER/2021



Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi Bin Mohamed Fisol
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

**KATA ALU-ALUAN TIMBALAN NAIB
CANSELOR HAL EHWAL AKADEMIK**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam buat semua warga UniSHAMS,

Ucapan terima kasih kepada pihak Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) kerana sudi memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam Buletin Khas RMU bagi tahun 2021. Ucapan tahniah dan syabas kepada staf RMU khususnya sidang redaksi yang berjaya menerbitkan Buletin Khas RMU jilid yang kedua bagi sesi Disember pada tahun ini. Juga ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menyempurnakan penerbitan Buletin Khas RMU ini.

Saya yakin Buletin Khas ini dapat memperlihatkan komitmen, usaha dan kegigihan dalam meneruskan legasi kegemilangan universiti. Semoga Buletin ini dijadikan sebagai panduan bagi meningkatkan semangat cinta terhadap bidang akademik serta meneruskan budaya menyelidik dalam kalangan ahli akademik. Di samping itu, hubungan penyelidikan dengan pengajaran dan pembelajaran sememangnya berhubungkait rapat dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran melalui penyelidikan yang dilaksanakan. Khazanah ilmu yang dibina berteraskan Islam juga dapat disebarkan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat.

Akhir kalam, saya menyeru semua warga akademik UniSHAMS untuk sama-sama memberikan tenaga dengan penuh iltizam ke arah meningkatkan penguasaan ilmu dalam bidang masing-masing untuk kejayaan, pembangunan ilmu Islam dan ihsan demi kepentingan ummah. Saya berharap usaha murni ini dapat memenuhi visi dan misi pendidikan serta aspirasi pelajar untuk keperluan negara pada masa hadapan.

Sekian, Terima Kasih.

**KATA ALU-ALUAN
PENGARAH PUSAT PENGURUSAN
SISWAZAH & PENYELIDIKAN**

Dr. Muhkamad Hadi Musolin Subagio
Pengaroh Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan
Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ribuan terima kasih saya ucapkan atas peluang yang diberi kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata dalam ruangan ini. Syabas dan tahniah kepada semua staf Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) yang bernaung di bawah seliaan Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan, kerana berjaya menghasilkan sebuah majalah yang menjadi tanda kepada komitmen unit ini untuk terus maju ke hadapan.

Dunia pendidikan pada alaf ini semakin kompleks dan bersifat global. Warga pendidik perlulah berilmu, berfikiran kreatif, berinovatif, serta mampu bersaing di persada antarabangsa yang penuh dengan cabaran melalui bidang penyelidikan. Perkara ini bertepatan dengan misi penubuhan Unit Pengurusan Penyelidikan iaitu membudayakan penyelidikan dalam kalangan pensyarah dengan menganjurkan persidangan, penerbitan serta giat menjalankan penyelidikan.

Justeru itu, saya ingin menyeru kepada para pensyarah agar memastikan aktiviti pengajaran dan penyelidikan adalah pada tahap yang seimbang, kerana pendidik yang berkualiti dapat melahirkan anak bangsa yang berwawasan dan bermatlamat tinggi. Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan buat semua warga UniSHAMS untuk terus berusaha mencipta kejayaan. Bersama-samalah kita membulatkan tekad dan berusaha gigih untuk memastikan pendidikan di Malaysia berada di puncak kegemilangan.

Sekian, terima kasih.

SEJARAH PENUBUHAN RMU



RMU ditubuhkan pada Oktober 2016 di bawah seliaan Timbalan Rektor Akademik, seterusnya diambil alih oleh Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan pada Jun 2017. Seterusnya diselia oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan pada Julai 2019. Kemudian, RMU diambil alih semula oleh Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan pada November 2019 sehinggalah kini.

Pada 4 Oktober 2017, Jawatankuasa Persidangan, Penyelidikan & Penerbitan (U3P) telah ditubuhkan setelah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kolej Universiti Insaniah (KUIN). Tujuan penubuhan Jawatankuasa U3P adalah untuk memartabatkan bidang penyelidikan dan penerbitan di samping menggalakkan kulliyah-kulliyah menjalankan persidangan di peringkat universiti, national, dan antarabangsa. Dengan adanya jawatankuasa ini segala urusan yang melibatkan 3P dapat dijalankan dengan lebih sistematik di bawah pemantauan Rektor dan Timbalan Rektor Akademik dan Antarabangsa.

Pejabat RMU berada di Aras 2, Bangunan Cancelori UniSHAMS. Kakitangan unit ini terdiri daripada Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan, Timbalan Pengarah Unit Pengurusan Penyelidikan, 3 orang staf, dan dibantu oleh 5 orang pembantu siswazah.



FOKUS UTAMA RMU



PENYELIDIKAN



PENERBITAN



PERSIDANGAN



AKTIVITI KLUSTER

PERANAN UNIT PENGURUSAN DAN PENYELIDIKAN (RMU)

- Mengurus geran penyelidikan KPT iaitu; FRGS, TRGS, LRGS dan lain-lain geran berkaitan.
- Mengurus Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) atau kini dikenali sebagai Geran Penyelidikan Universiti.
- Menjadi urusetia bagi perkara berkaitan Mobiliti Program dan Persidangan yang akan dilaksanakan oleh kulliyah.
- Mengemaskini, mendaftar dan menyelaras pengisian MyRA dan menentukan penarafan bintang dinaikkan.
- Membudayakan penyelidikan dikalangan pensyarah dengan mengadakan bengkel, seminar dan kursus berkaitan penyelidikan.
- Merancang dan melaksanakan sesi diskusi dan *book review* dengan menjemput ilmuan (*scholar*) dan ahli korporat.
- Menyelarass semua jurnal yang diterbitkan oleh setiap kulliyah.
- Meneliti dan memproses permohonan pensyarah yang ingin membentangkan kertas penyelidikan di persidangan dalam dan luar negara.
- Menyelarass dan mengurus segala berkaitan penerbitan buku atau modul pengajaran.

CARTA ORGANISASI




Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi Bin Mohamed Fisol
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik



Dr Mukhamad Hadi Solihin Subagio
Pengarah
Pusat Pengurusan & Siswazah Penyelidikan



Dr. Rahayati Binti Ahmad
Timbalan Pengarah
Unit Pengurusan Penyelidikan



Harizah Binti Md Ali
Pembantu Tadbir (N19)



Siti Nadzirah Binti Mohd Norizan
Pembantu Tadbir (N19)



Nur Ariffah Binti Arifin
Pembantu Tadbir (N19)



Muhammad Afif
Bin Azman
Pembantu Siswazah



Husna Binti Mat Rani
Pembantu Siswazah



Hanis Atirah Binti
Abdul Ghafar
Pembantu Siswazah



Nurul Afiqah Binti Hamsi
Pembantu Siswazah



Muhammad Muqri
Bin Izahar
Pembantu Siswazah

APA ITU MYRA ??

MyRA® adalah singkatan bagi Malaysian Research Assessment, atau istilah bahasanya Taksiran Penyelidikan Malaysia. MyRA® digunakan untuk menilai kapasiti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia untuk mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan.

MyRA® merupakan instrumen yang mengukur input, output, outcome dan impak Pembangunan, Penyelidikan, Pengkomersialan & Inovasi (RDCI).

Ia mengukur kecemerlangan dengan menilai jarak sesebuah IPT dari profil (tanda aras) yang ditakrifkan sebagai cemerlang bagi sebuah universiti penyelidikan di negara kita.



RATINGS	RANGE
☆☆☆☆☆☆	≥ 0 to < 15
★☆☆☆☆	≥ 15 to < 30
★★☆☆☆	≥ 30 to < 45
★★★☆☆	≥ 45 to < 60
★★★★☆	≥ 60 to < 75
★★★★★	≥ 75 to < 100
★★★★★★	≥ 100 to 157

Maximum marks for MyRA-1 is 157.73

Sistem penarafan bintang MyRA® yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ini terbahagi kepada enam (6) kategori, dengan sifar (0) bintang mewakili prestasi terendah dan enam (6) bintang mewakili prestasi MyRA® yang terbaik.

Tujuan utama Instrumen MyRA® termasuk (tetapi tidak terhad kepada) yang berikut:

1. Untuk menilai prestasi universiti tempatan dalam kegiatan Penyelidikan – Pembangunan – Pengkomersialan (R&D&C);
2. Untuk menilai permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental oleh universiti;
3. Untuk menilai permohonan menjadi sebuah Universiti Penyelidikan; dan
4. Menilai impak IPT yang telah diberikan status Universiti Penyelidikan.

TAHUN	MARKAH	PENARAFAN BINTANG
2015	26.86	★
2016	33.56	★★
2017	32.11	★★
2018	41.13	★★
2019	26.08	★
2020	37.40	★★

KATEGORI GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI



STATISTIK BILANGAN & PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI

Sebanyak 12 permohonan telah berjaya mendapatkan kelulusan bagi menjalankan penyelidikan dibawah Geran Penyelidikan Universiti. Jumlah peruntukan bagi Geran Penyelidikan Universiti (GPU) bagi tahun 2021 adalah RM105,000. Walaubagaimanapun ada penambahan pada jumlah Geran Penyelidikan Universiti (GPU) sebanyak RM10,000 yang diubah fungsi daripada peruntukan persidangan untuk diguna pakai bagi tujuan penyelidikan, yang menjadikan jumlah peruntukan bernilai RM115,000.

Jadual 1 menunjukkan ringkasan Geran Penyelidikan Universiti yang telah diluluskan pada tahun 2021, manakala permohonan bagi tahun 2021 yang mendapat pengesahan pemilihan geran penyelidikan universiti pada tahun 2022 seperti di Jadual 2.

BIL	KETUA	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN
1.	Dr.Mohammadtahir Cheumar	RM10,000
2.	Siti Hafsha Binti Albasri	RM5,000
3.	Prof. Dr. Zolkepli Bin Hj Yahaya	RM20,000
4.	Prof. Dr. Mohd Jamil Yaacob	RM20,000
5.	Dr. Mohamed Hamed Mohamed Said	RM5,000
6.	Dr. Amr Mohammed Sayed Emam	RM5,000
7.	Dr. Ahmed Ramadan Mohamed Ahmed	RM5,000
8.	Dr. Rohani Desa	RM5,000
9.	Prof. Dato' Dr. Teh Keng Hwang	RM10,000
10.	Prof. Madya Dr. Omar bin Mihat	RM10,000
11.	Dr. Syahiza binti Arsad	RM10,000
12.	Mohamad Alwi bin Ab Rahman	RM10,000
TOTAL KESELURUHAN		RM115,000

Jadual 1: Geran Penyelidikan Universiti yang diluluskan pada tahun 2021

BIL	KETUA	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN
1.	Dr Asnani binti Bahari	RM10,000
2.	Atikahambar binti Yusni	RM10,000
3.	Adie Effendi bin Zulkefli	RM10,000
4.	Mohd Shauqi bin Arshad	RM10,000
TOTAL KESELURUHAN		RM 40,000

Jadual 2: Geran Penyelidikan Universiti yang mendapat pengesahan pemilihan geran bagi Fasa 2/2022 Sesi Pertama

Geran Penyelidikan Universiti (GPU) yang aktif pada tahun 2021 adalah berjumlah 45 geran. Jumlah geran yang akan tamat pada tahun ini adalah 18 geran seperti yang dipamerkan pada jadual dibawah.

GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI (GPU)	TAHUN 2021
Tamat Dengan Perlanjutan	13
Tamat Tanpa Perlanjutan	5
TOTAL GERAN PENYELIDIKAN TAMAT 2021	18

➔ GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI (GPU)

Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) yang kini dikenali sebagai Geran Penyelidikan Universiti (GPU) diwujudkan bagi memberi peluang kepada staf akademik dengan menggunakan dana yang diluluskan pihak UniSHAMS. Tempoh penyelidikan geran ini dilanjutkan kepada 2 tahun bagi memberi peluang kepada penyelidik menamatkan penyelidikan dalam tempoh tersebut. Hasil penyelidikan ini ialah penerbitan buku dan jurnal berindeks/WOS/SCOPUS(ikut bidang)/MyCITE.

Geran Penyelidikan Universiti ini di bahagikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu;

1. Sains Sosial (Peruntukan- RM5,000.00)
2. Kerjasama Industri (Peruntukan- RM10,000.00)
3. Sains & Teknologi (Peruntukan - RM 20,000.00)

➔ GERAN PENYELIDIKAN PEMINDAHAN ILMU (GPPI)

Geran ini bertujuan mengukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan staf akademik mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh universiti. Pihak UniSHAMS tidak menanggung kos perbelanjaan geran kecuali perbelanjaan hasil penyelidikan.

Jumlah Geran Penyelidikan Pemindahan Ilmu (GPPI) bagi tahun 2021 adalah sebanyak 8 geran.

PENYELIDIKAN UNISHAMS



KATEGORI GERAN PENYELIDIKAN TAJAAN INDUSTRI

GERAN PENYELIDIKAN INDUSTRI (GPI)



Geran Penyelidikan Industri (GPI) ialah geran kerjasama antara staf akademik UniSHAMS dan industri luar yang dibiayai sepenuhnya oleh industri tersebut. Penyelidikan perlulah dilengkapkan dalam tempoh dan kos pembiayaan yang telah diperuntukkan seperti yang termaktub dalam perjanjian antara

SENARAI PENERIMA GERAN TAJAAN INDUSTRI TAHUN 2021

Seramai 8 orang staf akademik UniSHAMS telah berjaya mendapatkan tajaan industri dengan nilai setiap geran mencecah RM 5,000 sehingga RM 87,972.90. Jumlah penajaan industri kepada penyelidik UniSHAMS bernilai RM346,973.30. Berikut ialah jadual bagi ringkasan geran industri yang telah diluluskan.

BIL	KETUA PENYELIDIK/ WAKIL UniSHAMS	JENIS GERAN	INDUSTRI	JUMLAH GERAN
1.	Prof Madya Dr Yusuf Haji Othman	GPI	FWD Takaful Berhad	RM 10,000
2.	Pn Rafidah Abdul Rahman	GPI	KWSP Caw Sungai Petani	RM 5,000
3.	Dr Muhammad Baqir Abdullah	GPI	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah	RM 50,000
4.	En Mohammad Aizad Mohammad Bokhari	GPI	Bank Rakyat Malaysia	RM 20,000
5.	Prof Dr Asmadi Mohamed Naim (UUM/UniSHAMS)	JOINT GRANT	MicroInsurance Centre at Milliman	RM 75,080.40
6.	En Mohammad Aizad Mohammad Bokhari (UniSHAMS)	JOINT GRANT	UMK Entrepreneurship Institute (UMKEI)	RM 5,000
7.	Dr Rahayati Ahmad	FRGS	KPT (FRGS)	RM 93,920
8.	Dr Akli bin Ahmad	PUKAZ	Lembaga Zakat Negeri Kedah	RM 87,972.90
			JUMLAH (RM)	RM 346,973.30

GERAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (FRGS)




Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) adalah geran penyelidikan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menggalakkan penyelidikan asas untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

GERAN PUKAZ



Pusat Kajian Fiqh dan Agihan Zakat (PUKAZ) memberi tumpuan kepada kajian dan penyelidikan dalam pengkhususan fiqh zakat. Penyelidikan PUKAZ merangkumi persoalan fatwa dan perundangan/ sumber dan agihan/ pelaburan dan pengembangan/ pembangunan asnaf.



Graf di atas menunjukkan bilangan permohonan geran penyelidikan tajaan industri dan bilangan permohonan yang diluluskan. Sebanyak 14 permohonan telah dimohon sepanjang tahun 2021, dan 7 permohonan telah diluluskan oleh pihak industri.



UNIT PENGURUSAN DAN PENYELIDIKAN (RMU), UNISHAMS



PENGENALAN



Kluster penyelidikan UniSHAMS merupakan sebuah unit kecil yang memantau aktiviti kumpulan penyelidik di UniSHAMS agar sentiasa aktif menggerakkan kumpulan dengan pelbagai aktiviti penyelidikan yang memberi manfaat kepada masyarakat. Setiap kertas kerja yang dipohon akan melalui beberapa proses tertentu bagi mendapat manfaat kepada peruntukan yang telah diberikan daripada pihak universiti kepada setiap kumpulan penyelidik.


KLUSTER PENYELIDIKAN

LATAR BELAKANG

Pembentukan kumpulan penyelidik ini adalah bertujuan untuk memfokuskan kepelbagaian hasil penyelidikan, penerbitan dan persidangan, secara tidak langsung membantu memperbanyakkan karya ilmiah yang berkualiti bagi memenuhi keperluan UniSHAMS sebagai sebuah university serta memperkasakan KPI yang sedia ada, berpaksikan keperluan SETARA dan MyRA.

Organisasi kluster telah dibahagikan kepada empat bidang utama iaitu Kluster Syariah & Undang-Undang, Kluster Warisan Islam & Pengajian Al-Quran, Kluster Kewangan Islam & Perkhidmatan Halal dan Kluster Sains & Teknologi. Manakala kumpulan penyelidik bagi setiap kluster tersebut telah ditentukan mengikut bidang keperluan kumpulan penyelidik masing-masing. Kluster besar ini diketuai oleh Dekan kuliyyah, manakala ketua kumpulan penyelidik dilantik oleh dekan kuliyyah yang diluluskan oleh mesyuarat U3P.


CARTA ORGANISASI KLUSTER DAN KUMPULAN PENYELIDIK UNISHAMS 2021




AKTIVITI KUMPULAN PENYELIDIKAN KLUSTER TAHUN 2021

BENKEL TIPS AND TRICKS FRGS 2021

Bengkel ini telah dijalankan merangkumi kaedah dan teknik bagaimana untuk memohon geran FRGS bagi menggiatkan pembudayaan penyelidikan, merangkumi pelbagai bidang di Universiti. Bengkel ini bertujuan untuk menggalakkan pensyarah di UniSHAMS terutamanya pensyarah dari Kuliyyah Mualamat dan Sains Pengurusan untuk melibatkan diri dalam penyelidikan. Bengkel ini banyak membincangkan secara mendalam berkaitan teknik dan kaedah dalam memohon FRGS bagi membuka ruang para pensyarah untuk berkecimpung dalam penyelidikan.



ISLAMIC LECTURE SERIES VI (THE ROLE OF ISLAMIC FINANCE COVID -19 PANDAMIC CRISIS)



Tema ini diangkat pada sesi IFLS VI kali ini berikutan dengan pandemik COVID-19 yang memberi impak yang sangat besar dalam kehidupan masyarakat. Memetik berita harian 25 November 2020 yang bertajuk “ kewangan sosial islam bantu pulih ekonomi negara, menteri di jabatan perdana menteri (ekonomi), datuk seri mustapa Mohamed berkata, instrument-instrumen kewangan social isakam ini tidak seharusnya terhad kepada penyediaan kepelluan asas dan sara hidup golongan yang memerlukan atau untuk tujuan keagamaan seperti pembinaan masjid dan madrasah sahaja bahkan perlu diguna sama dalam membantu memulihkan ekonomi negara.

WEBINAR ANTARABANGSA “PENGALAMAN DAN ASPIRASI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB UNTUK PELAJAR BUKAN PENUTUR JATI”

Webinar yang telah dijalankan ini adalah bagi menonjolkan kedudukan dan peranan kuliyyah Bahasa arab sebagai platform pembelajaran Bahasa arab khususnya kepada yang bukan penutur jati. Di samping itu, webinar ini adalah diantara usaha untuk memperkenalkan UniSHAMS kepada masyarakat dan menjadi IPT pilihan.



ISLAMIC LECTURE SERIES VII (PENGURUSAN HARTA ISLAM)

Program ini bertujuan menerangkan mengenai cara pengurusan harta Islam yang betul serta memberi pendedahan mengenai kaedah pengurusan harta yang digariskan dalam Islam serta membantu menangani dan memahami isu-isu yang timbul dalam proses menguruskan harta. Tema ini diangkat pada sesi IFLS VII bagi meraikan kesedaran masyarakat yang tinggi kebelakangan ini berkenaan pengurusan harta Islam

BENKEL PENULISAN JURNAL MENGGUNAKAN PERISIAN APLIKASI MINDJET MINDMANAGER 2020



Seminar ini bertujuan membantu para pensyarah dalam penyusunan data dan fakta bagi aktiviti pengurusan dan pentadbiran dengan mudah dan tepat. Selain itu, seminar ini dapat membantu para pensyarah menjelaskan kandungan idea secara interaktif, menjimatkan masa ketika proses suntingan serta berupaya membangunkan jurnal, buku dan karya ilmiah dengan lebih berkesan. Penyelidikan.

SEMINAR ANTARA BANGSA ILMU WAHYU SIRI 1

Program ini bertujuan memberi peluang kepada semua kakitangan akademik UniSHAMS membentangkan hasil penyelidikan mereka sekaligus menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat mengenai ilmu-ilmu wahyu. Seminar ini merupakan aktiviti kluster penyelidikan Al-Quran dan Al-Sunnah dan akan dijangka berterusan untuk siri-siri akan datang.



INTERNATIONAL MULTIDISCIPLINARY CONFERENCE OF MUAMALAT 2021 (IMCEM)



Program ini bertujuan untuk mengupas dan membincangkan isu dari pelbagai bidang yang berkaitan dengan muamalat dan isu dalam bidang lain. Memperkenalkan UniSHAMS sebagai hub ilmu muamalat serta menggalakkan pensyarah Kulliyah Muamalat & Sains Pengurusan khususnya, dan UniSHAMS amnya untuk melibatkan diri dalam penyelidikan dan perbentangan artikel penyelidikan

PERSIDANGAN PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

Program ini bertujuan memupuk budaya penyelidikan dan penerbitan secara berterusan di kalangan para penyelidik KPSK di UniSHAMS. Memberi idea kepada para penyelidik KPSK untuk menjalankan projek penyelidikan dengan perkongsian penyelidikan bersama para penyelidik yang lain. Meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan di kalangan para penyelidik KPSK yang boleh memberi sumbangan kepada masyarakat serta mewujudkan hubungan kerjasama penyelidikan di antara pensyarah UniSHAMS dengan institusi lain.



FINANCIAL WELL-BEING

Memberi pendedahan tentang ilmu pengetahuan dan kesedaran kepada umum khususnya, Pelajar UniSHAMS berkaitan Pengurusan serta Perancangan Kewangan Peribadi untuk membentuk Kesejahteraan Kewangan di masa hadapan. Seminar ini cuba memberikan pendedahan berfokus berdasarkan hasil penyelidikan kepada pelajar ke arah kehidupan yang lebih baik daripada aspek kedudukan kewangan, kesihatan dan hubungan kekeluargaan serta sosial yang baik.

SEMINAR FINANCIAL Well-Being

Prof. Dr. Asmeedi Mohamed Naim
En. Mohd Raziq Abu Bakar
Prof. Madya Dr. Wan Nazmiyah Mohamed Fadz
Prof. Madya Dr. Rosli H. عثمان
Pn. Kadiah Abdul Rahman
Pn. Hafidah Kamarudin
Dr. Adam Z. Dri
En. Syed Akil Aze Al Oubra
Pn. Nabillah Aida Mohayedin
Pn. Fatimah Wafiqah Ali
Datin Zainab Mohd Zain
Pn. Tengku Aina A' Tengku Abdul Jalil
Pn. Sharmas Jemella Shamsul Tabriz

21 & 28 OGOS 2021

RM1,500.00

MAKLUMAT LANJUT
SOLEH HUSNID
011-2315 5512 (ARIF)
011-3658 9138 (HUSNID)

Platform Persembahan: Zoom

Platform Persembahan: E-Slide Presentation, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa PT & orang asing

More information please contact: 011-2315 5512 (ARIF) / 011-3658 9138 (HUSNID)

MANUSCRIPT WRITING Workshop

1st - 2nd SEPTEMBER 2021

“ANATOMY & PHYSIOLOGY OF MANUSCRIPT WRITING”
“TIPS & TRICKS ON SELECTION OF JOURNAL”
“SURVIVAL TIPS: REVIEWER COMMENTS & WRITER'S BLOCK”
Submit your manuscript to be reviewed during practical session

Editor for the Malaysian Journal of Ophthalmology
Editorial board member of
Therapeutic Advances in Ophthalmology
The Open Ophthalmology Journal

PROF. DR. LIZA SHARMINI AHMAD TAJUDIN

Register Now 019-3023004

BENGGEL PENULISAN MANUSKRIP

Bengkel ini memberikan pemahaman mempelajari teknik penulisan yang tepat dan berkualiti tinggi. Memupuk budaya penyelidikan secara berterusan di kalangan para penyelidik di UniSHAMS. Meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan di kalangan para penyelidik Mewujudkan hubungan kerjasama penyelidikan di antara para penyelidik di UniSHAMS dengan institusi lain. penyelidikan.

MUET : "AN UNDERSTANDING OF THE NEW EXAM FORMAT"

Kebanyakan pelajar tidak membiasakan bertutur dalam Bahasa Inggeris, malu untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris dan peluang untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris agak kurang atas faktor budaya. Degan itu, bengkel ini diadakan untuk mendedahkan pelajar kepada format baru peperiksaan MUET. Mewajibkan semua pelajar Diploma Perakaunan (DPK) dan ISMPK yang belum mendaftar MUET bagi memenuhi syarat kemasukan dan memenuhi syarat bergraduat pengajian ISMPK. Mendedahkan kebaikan dan kepentingan MUET kepada semua pelajar yang berminat untuk mendaftar dan memiliki sijil MUET

"MUET: AN UNDERSTANDING OF THE NEW EXAM FORMAT"

8 SEPTEMBER 2021 (WEDNESDAY)
9:30 AM - 12:30 PM
ONLINE VIA GOOGLE MEET

ONLY FOR UNISHAMS STUDENTS
RM5 FOR OTHERS

SPEAKER: MADAM RUHANA ZAKTYYAH
MUET TEACHER

TALK INCLUDES:
RECORDED VIDEO
HANDOUT
CERTIFICATE

SCAN TO REGISTER

BENGGEL ANALISIS DATA KUALITATIF KAEDAH 3C

Kaedah 3C ini dapat membantu penyelidik memahami dengan lebih mendalam makna untuk menghasilkan tema sesuatu fenomena dengan lebih berkesan dan tepat. Bengkel ini bertujuan untuk meneliti aspek paradigma yang menjadi asas penyelidikan kualitatif dan memberikan fahaman yang lebih mendalam serta dapat menghayati makna untuk menghasilkan tema sesuatu fenomena dengan lebih berkesan dan tepat serta memudahkan proses menganalisis data kualitatif dengan mudah dan pantas.

BENGGEL ANALISIS DATA KUALITATIF KAEDAH 3C

Coding, Categorizing, Concepts

14 SEPTEMBER 2021 8:30 PAGI - 4:00 PETANG

APLIKASI GOOGLE MEET: <https://meet.google.com/ghjv-ghjv-ghjv>

PELAJAR RM 50
Alumni & Staff UniSHAMS RM 70
Awam RM 85

DISAMPAIKAN OLEH: DR. MOHD SUHADI BIN MOHAMMAD SUHADI
PENYELIDIK PULAU PERAK & PENYELIDIK KUALA LUMPUR

PUAN HILMATH CUCU FATMA
013-834 0721 018-942 6085

PUSAT PENGAJIAN & PERKHIDMATAN KUNSELING & PSYCHOLOGI
MAMPUAN DAN KEMAMPUAN KAWALAN DIRI MELAKSANAKAN

WEBINAR BERSIRI KLUSTER PENYELIDIKAN UNISHAMS

Program ini bertujuan untuk mengupas secara mendalam isu-isu penyelidikan dan penerbitan melalui adaptasi perspektif syariah, undang-undang dan global dengan memperkasakan perbincangan isu-isu semasa dan meningkatkan keupayaan UniSHAMS sebagai hub ilmu berkaitan syariah dan undang-undang serta lain-lain bidang yang berkaitan



WEBINAR- PERKONGSIAN PENGENDALIAN KES PERUNDANGAN DARI PERSPEKTIF KAUNSELOR (TEMA : APLIKASI DAN ALAT

Webinar ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan prosedur kaunselor bagi pengendalian kes melibatkan perundangan, dan saphina mahkamah serta peserta dapat memahami tanggungjawab kaunselor di unit Cawangan Jenayah Seksual di bawah Jabatan Siasatan Jenayah.

ISLAMIC LETURE SERIES VIII (KELESTARIAN PENGURUSAN KEWANGAN MELALUI PENDEKATAN MAQASID SYARIAH)

Program ini memberi peluang yang besar kepada para pelajar, pusat, dan staf untuk mendengar dan menimba ilmu yang lebih bermanfaat daripada pengamal/sarjana terkenal dalam menangani isu-isu penting mengenai kepelbagaian dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.



PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR BAHASA ARAB DI UNIVERSITI DALAM ERA DI UNIVERSITI DALAM ERA PANDEMIK COVID-19: MASALAH DAN PENYELESAIAN

Program ini telah berjaya mengenalpasti halangan dan kesukaran yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran moden kepada para pelajar dan pensyarah dalam pembelajaran Bahasa Arab di era pandemik Covid-19 serta Berjaya mendedahkan beberapa cara untuk mengadaptasi pembelajaran secara dalam talian dan pembelajaran sendiri kepada para pelajar khususnya dalam memperkasakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab




LAPORAN KESELURUHAN KLUSTER 2021 ERA DI UNIVERSITI DALAM ERA PANDEMI COVID-19: MASALAH DAN PENYELESAIAN

Sehingga 31 Disember 2021, laporan menunjukkan terdapat peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun 2020. Walaupun berlaku peningkatan, ahli-ahli kumpulan kluster perlu sentiasa bergiat aktif dan kreatif dalam menjalankan aktiviti penyelidikan di UniSHAMS. Sekaligus menyambut seruan Naib Canselor UniSHAMS iaitu Prof. Dr. Asmadi Mohamed Naim di dalam Majlis Santai Bulanan bersama warga kerja UniSHAMS pada 14 Disember 2021 yang lalu.




LAPORAN AKHIR KLUSTER PENGAJIAN SAINS DAN PENGURUSAN 2021




Berikut merupakan hasil laporan akhir bagi kluster sains dan pengurusan. Hasil menunjukkan kluster yang mendapat nilai terbaik adalah Sains dan Perubatan dengan markah 12.18.

Berikut merupakan hasil laporan akhir bagi kluster Pengajian Islam. Hasil menunjukkan kluster yang mendapat nilai terbaik adalah Syariah Islamiyyah dengan markah 13.

LAPORAN AKHIR KUMPULAN KLUSTER PENGAJIAN ISLAM 2021



PERBANDINGAN LAPORAN AKHIR KUMPULAN KLUSTER TAHUN 2020 & 2021



Berikut merupakan perbandingan laporan akhir kumpulan penyelidik bagi tahun 2020 dan 2021. Peningkatan yang baik bagi beberapa kluster yang aktif, namun terdapat juga beberapa kluster yang mengalami penurunan markah.

Peruntukan Kepada Pembentang & Peserta
Peruntukan Kepada Penganjur
Insentif Penerbitan Jurnal Berindeks


PERSIDANGAN

PERMOHONAN HADIR PERSIDANGAN

Semua kakitangan akademik yang ingin menghadiri persidangan sama ada memerlukan peruntukan kewangan atau tidak, perlu membuat permohonan menghadiri persidangan melalui RMU. Borang permohonan boleh dimuat turun di pautan ICMS UniSHAMS. Pihak universiti tidak akan bertanggungjawab bagi kakitangan akademik yang menghadiri persidangan tanpa kelulusan universiti. Penyertaan persidangan tanpa kelulusan universiti tidak akan diperakui dalam rekod ketidakhadiran.

KELULUSAN INSENTIF PENERBITAN JURNAL BERINDEKS DAN TERBITAN TAHUN 2021

Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat UniSHAMS SDN. BHD. Kali ke-13 (Bil.01/2021) pada April 2021 telah bersetuju dan meluluskan bayaran insentif penerbitan jurnal berindeks WOS, Scopus, ERA, MyCite dan lain-lain jurnal terbitan bagi tahun 2021.




SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN MENGHADIRI PERSIDANGAN SEBAGAI PESERTA DAN PEMBENTANG

- Permohonan dilakukan sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh persidangan.
- Permohonan banyak kali (*unlimited*) dibenarkan.
- Permohonan mesti disertakan surat tawaran dan iklan, manakala permohonan bagi pembentang perlu disertakan juga artikel lengkap perbentangan yang juga terdapat affiliation "Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).
- Peruntukan maksimum bagi peserta adalah RM300.00 kepada semua staf akademik termasuk gred DG41.
- Peruntukan maksimum bagi pembentang adalah RM1,500.00 kepada staf akademik gred DS/DK45 sahaja.

CIRI-CIRI PENERBIT JURNAL YANG DIRAGUI (PREDATOR) :


- Syarikat atau penerbit jurnal yang menerbitkan jurnal-jurnal yang tidak mengikut skop dan bidang kepakaran.
- Editorial Board Jurnal tersebut mencurigakan dan bukan dalam bidang kepakaran.
- Yuran penerbitan yang terlalu mahal dan 'editing fees' yang tidak munasabah serta masih ada kesalahan setelah disunting.
- Tempoh penerbitan sesuatu jurnal yang sangat singkat dan tiada 'peer review' atau 'editorial oversight'
- Penerbitan jurnal yang dijanjikan disenaraikan didalam Scopus/Scimago, namun telah tamat tempoh penyenaiaannya di scopus atau digantung oleh Scopus/Scimago.

Laporan Bilangan Kelulusan Hadiri Persidangan/ Seminar/ Latihan Staf Akademik dan Penggunaan Bajet Persidangan untuk Kos Penerbitan pada tahun 2021 UniSHAMS



Pada tahun 2021, terdapat seramai **90 pembentang** dan **475 peserta** dalam kalangan staf akademik UniSHAMS yang telah lulus menghadiri persidangan, manakala terdapat **67 penerbitan** termasuk penerbitan Scopus, WOS, ERA dan lain-lain terbitan

Laporan Bilangan Penerbitan dalam SCOPUS, WOS dan ERA daripada staf akademik UniSHAMS pada tahun 2021




Bilangan penerbitan Scopus dan ERA yang tertinggi pada tahun 2021 adalah daripada penulisan artikel yang dihantar oleh staf akademik **Kuliyah Usuluddin dan Sains Al-Quran** iaitu sebanyak **sembilan (9) penerbitan Scopus** dan **19 penerbitan ERA**.

Manakala bilangan penerbitan WOS yang tertinggi adalah penulisan artikel yang dihantar oleh staf akademik **Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam (CIFER)** iaitu sebanyak **8 penerbitan WOS**.

Laporan Bilangan Penerbitan dalam MyCite dan Other Jurnal daripada staf akademik UniSHAMS pada tahun 2021

Bilangan penerbitan MyCite yang tertinggi adalah daripada penulisan artikel yang dihantar oleh staf akademik **Kuliyah Syariah dan Undang-Undang** iaitu sebanyak **7 penerbitan MyCite**.

Manakala penerbitan bagi lain-lain jurnal (other jurnal) yang tertinggi adalah penulisan artikel yang dihantar oleh staf akademik **Kuliyah Bahasa Arab** iaitu sebanyak **17 penerbitan other jurnal**.



PENERBITAN

BUKU . JURNAL . HAK CIPTA


Penerbitan adalah merujuk kepada hasil penulisan yang diterbitkan dalam buku, monograf, laporan, kertas kerja, artikel jurnal, majalah, manual dan lain-lain dalam format bercetak atau elektronik.

Penerbit UniSHAMS berhak untuk membayar semua kerja-kerja penerbitan yang berkaitan mengikut kadar yang telah diputuskan oleh mesyuarat EMC/U3P. Peruntukan ini hanyalah bagi:


- Penerbitan hasil penyelidikan GPPI bab dalam buku (chapter in the book).
- Penerbitan hasil penyelidikan GPU dalam bentuk buku

Manakala kos penerbitan selain daripada hasil dua geran penyelidikan tersebut adalah dibawah tanggungan pensyarah/ penulis itu sendiri.

BILANGAN BUKU BERDASARKAN KULIYYAH DAN PUSAT PENGAJIAN PADA TAHUN 2021



BILANGAN BUKU BERDASARKAN BAHASA PENGANTAR PADA TAHUN 2021




PERMOHONAN ISBN DAN ISSN MELALUI RMU



RMU hanya memohon nombor ISBN dan ISSN bagi penerbitan di bawah tanggungjawab UniSHAMS sahaja. Pensyarah/penulis yang ingin mendapatkan nombor bagi penerbitan perlu membuat permohonan melalui RMU untuk dihantar ke Perpustakaan Negara Malaysia. Permohonan ISBN dan ISSN akan diurus oleh RMU. Adapun semua jurnal kuliyah dan prosiding persidangan atau seminar akan diuruskan oleh Kuliyah.



Terbitan Buku Bahasa Arab pada tahun 2021




Prof. Madya Dr. Abdul Ghani Bin Md Din




Dr. Shehata Hafez Mohamed Radwan Elsheikh



Dr. Mohamed Shafei Moftah Bosheya




Dr. Mahamed Fathy Mohamed Eletrebi



Dr. Mohamed Shafei Moftah Bosheya



Dr. Ebrahim Mohammad Ahmad Eldesoky & Ust Mohd Azizul Rahman Bin Zabidin




Kuliyyah Bahasa Arab




Prof Madya Dr Abdul Ghani Bin Md Din



Dr. Rabie Ibrahim Mohamed Hassan




Usth Harliza Binti Bani Hashim & Dr. Mohamed Rady Mohamed Elpaz Elsheakh



Dr. Shaaban Abdelhameed Refae Mohamad




Dr. Mohamed Rady Mohamed Elpaz Elsheakh



Dr. Mahamed Fathy Mohamed Eletrebi



Kuliyah Syariah & Undang-undang



Dr. Mahamed Fathy Mohamed Eletrebi



Dr. Ahmed Fathi Ramdan Abdelgayed



Dr. Ragab Ibrahim Ahmed Awad



Dr. Ahmed Fathi Ramdan Abdelgayed



Usth Meryem Abous




Dr. Ahmed Fathi Ramdan Abdelgayed




Dr. Ahmed Fathi Ramdan Abdelgayed




Dr. Mohamad Zaki Bin Mustafa Masoh



Dr. Khobaib Ali Saeed Salem



Dr. Khobaib Ali Saeed Salem




Usth Faridah Isa Binawae & Ust Mohd Azizul Rahman Bin Zabidin




Usth Harliza Binti Bani Hashim & Ust Mohd Syauqi Bin Arshad




Terbitan Buku Bahasa Malaysia pada tahun 2021




Prof. Madya Dr. Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ust Mat Rani Abdul Manaf, Ust Muhd Thoriq Asshiddiq Che Ahmad & Ust Abdul Hakim Mahadzir




Prof. Madya Dr. Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ust Muhd Thoriq Asshiddiq Che Ahmad, Ust Abdul Hakim Mahadzir & Ust Mat Rani Abdul Manaf




Prof. Madya Dr. Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ust Muhd Thoriq Asshiddiq Che Ahmad, Ust Abdul Hakim Mahadzir & Ust Mat Rani Abdul Manaf




Prof. Madya Dr. Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ust Muhd Thoriq Asshiddiq Che Ahmad, Ust Abdul Hakim Mahadzir & Ust Mat Rani Abdul Manaf



Prof. Dr. Md Amin Abdul Rahman al-Jarumi



Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi Bin Mohamed



Dr Normaizatul Afizah Ismail, Dr Raja Muhammad Zuha Raja Kamal Bashah & Prof Madya Dr Khairul Osman



Dr Sajiah Yakob, Dr Muhamad Baqir Bin Muhamad, Tuan Ahmad Fahrizal Asmy Muhamad Yunus & Pn Farahiza Zaihan Azizan



Pn. 'Adlina Binti Abdul Khalil, Dr Syed Sultan Bee Packer Mohamed, Pn. Azizah Binti Ibrahim & Pn. Haslina Binti Hassan.




Pn. Farahiza Zaihan binti Azizan




Dr. Syahiza Binti Arsad




Terbitan Buku Bahasa Inggeris pada tahun 2021




Pn. Noor Azimah Binti Norbidin, Prof Madya Dr Mohd Faudzi Bin Abdullah, Dr Nuruddin Mohammed Nur, Dr Nurul Fathen Nadia Binti Abdul Hadi, Siti Syariah Binti Mamat, Nurshafarina Binti Shaari & Muhammad Hafiz Bin Azizan.




Hazirah binti Abdul Radzak, Dr. Omar bin Mihat, Dr. Lee li Li, Rusmaliza binti Hamzah & Natasha Farhana binti Zainol



Kulliyah Perubatan Dan Sains Kesihatan



Prof. Madya Dr. Mohd Faudzi Bin Abdullah



Prof. Madya Dr. Mohd Faudzi Bin Abdullah & Prof. Madya Dr. Hakimah Binti Mahsin



Terbitan Jurnal Kuliyyah pada tahun 2021



Jurnal Kuliyyah Perubatan & Sains Kesihatan
Edisi Disember 2021,
Vol. 6, No. 1



Jurnal Kuliyyah Bahasa Arab
Edisi Disember 2021,
Vol. 6, No. 2



Jurnal Kuliyyah Bahasa Arab
Edisi Disember 2021,
Vol. 6, No. 1



Jurnal Kuliyyah Muamalat & Sains Pengurusan
Edisi Disember 2021, Vol. 6, No. 1

Laman Web Jurnal Kuliyyah UniSHAMS

Kuliyyah Usuluddin & Sains Al-Quran
<https://ijisc.unishams.edu.my/>


Kuliyyah Bahasa Arab
<https://irjl.unishams.edu.my/>

Kuliyyah Syariah & Undang-Undang
<https://mks.unishams.edu.my/>

Kuliyyah Perubatan & Sains Kesihatan
<https://tijms.unishams.edu.my/>

Kuliyyah Muamalat & Sains Pengurusan
<https://ijm.unishams.edu.my/>

Permohonan Hak Cipta (*Copyright*) pada tahun 2021



Pada tahun 2021, terdapat 37 permohonan hak cipta (*copyright*) telah dibuat bagi video tutorial masakan Kuliyyah Hospitaliti & Seni Kreatif di bawah nama UniSHAMS



SIDANG REDAKSI



Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi Bin Mohamed Fisol
Penasihat 1



Dr. Mukhamad Hadi Solihin Subagio
Penasihat 2



Dr. Rahayati Binti Ahmad
Penasihat 3




Muhammad Muqri Bin Izahar
Ketua Editor / Editor Penerbitan



Muhammad Afif Bin Azman
Editor Penerbitan dan Persidangan



Husna Binti Mat Rani
Editor Penyelidikan



Nurul Afiqah Binti Hamsi
Editor Kluster



Hanis Atirah Binti Abdul Ghaffar
Editor Kluster



UCAPAN PENUTUP TIMBALAN
PENGARAH UNIT PENGURUSAN
PENYELIDIKAN (RMU)



Dr. Rahayati Binti Ahmad
Timbalan Pengarah Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU)
Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas buat pasukan sidang redaksi yang telah berjaya menerbitkan Majalah Unit Pengurusan Penyelidikan buat kedua kalinya. Semoga majalah ini mampu menjadi sumber maklumat dan inspirasi kepada semua pensyarah pada masa akan datang. Unit Pengurusan Penyelidikan UniSHAMS telah mempamerkan iltizam dan komitmen yang tinggi dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan penglibatan pensyarah-pensyarah serta menggarap potensi pensyarah secara menyeluruh dalam bidang penyelidikan.

Hal ini bertepatan dengan matlamat kami iaitu memartabatkan bidang penyelidikan dan penerbitan di samping menggalakkan kulliyah-kulliyah menjalankan persidangan-persidangan di peringkat universiti, national dan antarabangsa. Akhir kata, saya ingin menyeru para pensyarah untuk bersama-sama merealisasikan hasrat murni bagi melahirkan pensyarah yang berkualiti dan berkelas tinggi. Oleh itu, para pensyarah mestilah memanfaatkan ruang dan peluang yang disediakan dengan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.



Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU)



rmu@unishams.edu.my



+604 4155087

CONGRATULATIONS!!



Sekalung Tahniah dan penghargaan buat Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) atas kenaikan taraf ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) secara rasminya pada 3 Januari 2022.

Semoga kenaikan taraf ini menjadi satu penambahbaikan pada masa akan datang.

Semoga pihak RMC juga dapat merealisasikan objektif selari dengan visi dan misi. Sekian, terima kasih.

**PUSAT PENGURUSAN
PENYELIDIKAN (RMC)**



Pusat Pengurusan Penyelidikan – RMC Unishams



rmc@unishams.edu.my



+604 4155087



Terima kasih 



Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU)
Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia